



Balamurugan (tengah) bersama kuartet 4X100 meter (dari kiri; Nurul Faizah, Komalam, Zaidatul dan Siti Fatima.

# 'Cara tukar baton kurang kemas'



Jurulatih gesa kuartet 4X100 meter wanita pecah rekod kebangsaan tingkat latihan

Oleh Mohd Khairie Khalid  
khairie@bh.com.my

Kuala Lumpur

Info

Jurulatih olahraga negara, M Balamurugan menganjurkan kuartet 4x100 meter wanita perlu meningkatkan lagi latihan pertukaran baton sekiranya berhajat melakar kejutan memenangi pingat emas di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017), bulan depan.

Menurutnya, pemantauannya mendapati aksi pertukaran baton yang kurang kemas menjadi antara faktor kuartet yang ditaris Nurul Faizah Asma Mazlan, Siti Fatima Mohamad, S. Komalam Shally dan Zaidatul Husniah Zulkifli mencatat masa lebih pantas.

"Saya gembira kerana mereka mencipta rekod baharu kebangsaan tetapi jika tidak kerana pertukaran baton yang kurang kemas, kuartet itu mampu mencipta masa yang lebih pantas dan mereka perlu mencatat 44.50 saat (s) sekiranya mahu raih emas atau perak," katanya ketika dihubungi semalam.

Balamurugan mengulas mengenai kuartet berkenaan yang memecahkan rekod kebangsaan apabila mencatat

## Keputusan 4x100m di ATF

### WANITA

**Emas** → Kazakhstan (43.53S)  
**Perak** → China (44.50S)  
**Gangsa** → India (44.57S)  
**Keempat** → Thailand (44.74S)  
**Kelima** → MALAYSIA (45.18S)

### LELAKI

**Emas** → China (39.38S)  
**Perak** → Thailand (39.38S)  
**Gangsa** → Hong Kong (39.53S)  
**Keempat** → Sri Lanka (39.59S)  
**Kelima** → MALAYSIA (39.98S)

kepantasan 45.18s dalam final acara itu di Kejohanan Trek dan Padang Asia (ATF) di Stadium Kalinga, Odisha India, awal pagi semalam.

### Baharu digabungkan

Catatan itu 0.01s lebih pantas daripada rekod sebelum ini yang dicipta gandingan Sheeren Samson Vallabouy, Siti Fatima, S Komalam dan Zaidatul Husniah pada Kejohanan Trek dan Padang Terbuka Thailand 2017, bulan lalu.

Sheeren yang sebelum ini beraksi di Thailand bagaimanapun tidak diturunkan di ATF kerana mengalami kecederaan hamstring kanan.

Walaupun mencipta rekod baharu kebangsaan, kuartet berkenaan sekadar menamatkan saingan di tempat kelima dengan kuartet Thailand yang turut bersaing di KL2017 menduduki tempat keempat (44.74s).

Sementara itu, gandingan 4x100m lelaki yang baharu digabungkan iaitu Nixson Kennedy, Jonathan Nyepa, Badrul Hisyam Abdul Manap dan Khairul Hafiz Jantan juga menamatkan saingan di kedudukan kelima dengan kepantasan 39.98s, ketinggalan 0.6s di belakang Thailand (39.38s) yang meraih perak.